

Putrajaya: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menjenamakan semula Sijil Organik Malaysia (SOM) menjadi MyOrganic dengan menambah dua bidang baharu selain pertanian iaitu akuakultur dan veterinar.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, MyOrganic adalah penjenamaan semula skim pensijilan organik yang lebih komprehensif dan menggabungkan subsektor tanaman, ternakan dan akuakultur untuk mengiktiraf la-

Penjenamaan semula Sijil Organik Malaysia

HM
7/4/15

dang yang diusahakan secara organik mengikut syarat serta kriteria ditetapkan.

Beliau berkata, ia juga memberikan wajah baru dan menggalakkan penerimaan pengguna terhadap produk organik di bawah satu jenama.

“Bidang pertanian akan dibangunkan Jabatan Pertanian (DOA) manakala subsektor ternakan dan

akuakultur pula akan dibangunkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) serta Jabatan Perikanan (DOF).

“Pada masa ini, DVS sudah membangunkan garis panduan pengeluaran ayam organik (GL002:2014) untuk memberikan maklumat berkaitan keperluan asas bagi penternakan ayam organik,” katanya.